

Qalam

132, Muḥarram 1381, Julai 1961, 60 sen

Tahun Hijrah 1381

Tahun Hijrah 1380 dengan segala suka dukanya tamatlah riwayatnya. Mulai bulan Muḥarram ini sekalian kita sedang menempuh tahun baharu – tahun 1381, dengan harapan moga-moga menjadi tahun yang bersempena baik, tahun perdamaian sejagat bagi umat manusia seluruhnya.

Kita bersyukur ke hadrat Allah *'Azza wa Jalla* atas limpah kurnia dan rahmatnya, kerana tanahair kita, Singapura dan Tanah Melayu, telah selamat menempuh tahun 1380 yang lalu dalam suasana yang aman damai dan tenang tenteram. Ini ialah berkat perpaduan dan rasa persefahaman di antara sekalian penduduk dari berbagai-bagai kaum yang menjadi rakyat yang taat setia kepada negeri ini dengan tidak berbelah bahagi, dan juga dengan baik tadbir pemerintah.

Rancangan-rancangan pembangunan yang sedang dijalankan diseluruh tanah air adalah menambahkan yakin bahawa negara kita yang dikasihi – *buhūl Allāh* - akan bertambah aman damai dan makmur, dan juga bertambah masyhur.

Serentak dengan itu, kita umat Islam, dari alim ulama dan cerdik pandai, membawa kepada kaum Muslimin amnya di tanahair adalah tertuntut membaharukan azam pada saat kita memasuki gerbang tahun baharu ini, untuk berjuang terus menerus mengembangkan dan menegakkan serta mendaulatkan agama Islam sesuai dengan kedudukannya

menjadi agama rasmi negara ini.

Kelemahan kita dan kecuaiannya serta kelalaian kita pada masa yang telah lalu seyogialah kita sedari dan segera memperbaikinya.

Ingatlah, junjungan kita Nabi Muhammad *Ṣallā Allāhu 'alayhi wā 'Ālihi wa Sallam*, yang kita peringati hijrahnya yang bersejarah itu, telah menegaskan:

“Kullukum ra'in, wa kullu ra'in mas'ulun 'an ra'iyatih...”¹

“Tiap-tiap seorang kamu ialah pemimpin dan pengawal, dan tiap-tiap pemimpin dan pengawal itu pula bertanggungjawab dan akan ditanya kelak tentang apa yang dipimpin dan dikawalnya....”

Tak dapat disangkal, banyak di antara perintah-perintah agama yang telah diperintahkan oleh Allah dan Rasulnya telah dipersesiakan oleh kebanyakan kita, malah telah dikorbankan kerana kepentingan-kepentingan politik, kesenian, adat istiadat, pangkat kebesaran dan maslahat-maslahat diri!

Yang lebih menyedihkan, perkara yang haram (judi loteri dan segala hasilnya) yang terang benderang haramnya dengan naṣ al-Qurān al-Karīm, telah terpalang menjadi halal pula.

Wa al-'iyādh bi Allāh.

Semuanya ini menodai kesucian Islām dan menenggelamkan masyarakat dālam maksiat yang berpanjangan.

Oleh itu sudah semestinya disapu bersih dan dilenyapkan.



¹ Hadith ini tidak dapat dipastikan kesahihannya.